

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JANUARY 2017

DR. M, KIT SIANG TPM...

SELAIN kenyataan Pusingan U oleh Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Dr. Mahathir Mohamad yang mahu meneruskan pemberian BR1M jika pembangkang berkuasa iaitu selepas dengan lantang menyifatkannya sebagai rasuah, pengesahan beliau bahawa DAP mahukan jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM), mengundang perhatian besar.

Maka terserlah kebenaran apa yang didedahkan oleh bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim baru-baru ini bahawa ada perancangan sulit untuk melantik Mukhriz Mahathir sebagai Perdana Menteri (PM) dan pemimpin utama DAP, Lim Kit Siang sebagai TPM.

Dalam reaksi sebelum ini, Kit Siang mengancam untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Tunku Aziz dan media yang melaporkan pendedahannya itu. Tunku Aziz tetap berpegang pada kenyataannya dengan mencabar Kit Siang membuat akuan bersumpah jika menafikan dakwaan



MAHATHIR bersama bakal TPM?

itu, yang setakat ini tidak disahut. Kini dengan pengesahan Mahathir bersama bukti rakaman video, Awang lihat apa yang terang bertambah terang. Dengan kata lain, Mahathir membuktikan bahawa sememangnya perancangan itu wujud dan Kit Siang bakal mencatat sejarah sebagai TPM bukan Melayu

Itulah juga kemarahan dan keresahan orang Melayu terhadap Mahathir kerana perubahan secara ekstrem semata-mata untuk kepentingan politik peribadi, yang tidak boleh diterima akal.

Benar seperti kata Perdana Menteri, Mohd. Najib Tun Razak, selama lebih 22 tahun (tempoh menjadi Perdana Menteri), Mahathir mengutuk Kit Siang sebagai rasis, anti-Islam dan anti-Melayu tetapi tiba-tiba mahu memberi jawatan TPM kepadanya. Itulah juga kemarahan dan keresahan orang Melayu terhadap Mahathir kerana perubahan secara ekstrem

pertama jika Pakatan Harapan menang Pilihan Raya Umum ke-14, satu lagi pencapaian besar DAP.

Semua ini hasil kerjasama strategik PPBM dan DAP pimpinan Kit Siang, yang puluhan tahun adalah musuh utama Mahathir.

semata-mata untuk kepentingan politik peribadi, yang tidak boleh diterima akal. Di mana prinsip beliau, yang Awang nampak ke tahap sifar. Yang nyata Mahathir bukan lagi aset kepada Pakatan Harapan sebaliknya liabiliti yang perlu ditanggung gerakan pembangkang. Liabiliti yang ada pada UMNO sudah beralih sepenuhnya kepada Pakatan Harapan.

Awang dapat tahu, beberapa pemimpin pembangkang termasuk DAP dan PKR kerap geleng kepala atas masalah demi masalah yang dicetuskan oleh Mahathir. Nasi sudah jadi bubur. Kini beliau dilihat peneraju utama Pakatan Harapan menenggelamkan pengaruh Anwar Ibrahim dan Kit Siang, biarpun PPBM sekadar parti serpihan yang kecil (pelancaran PPBM Sabtu lepas hambar, kurang mendapat sambutan dan banyak kerusi kosong) tetapi laungannya sahaja kuat. Kerosakan dalam Pakatan Harapan makin serius dan rumit untuk dibaik pulih. Siapa mahu bertanggungjawab, Mahathir atau sekutu utamanya, Kit Siang?